

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Ayah sangat gemar _____ kari ikan patin yang dimasak oleh nenek.
A akan C terhadap
B tentang D kepada

2. Mereka berlagak _____ apabila disoal oleh guru disiplin tentang kes pergaduhan itu.
A kemalu-maluan
B kepura-puraan
C kebodoh-bodohan
D kemarah-marahan

3. Suasana di pasar malam itu _____ selepas pukul 11.00 malam.
A ceria C bising
B sibuk D lengang

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



4. Kakak menjerit apabila melihat seekor tikus sedang bersembunyi di dalam _____ permaidani di ruang tamu.
A ikatan C hamparan
B gulungan D putaran

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Murid-murid akan didenda jika sekiranya mereka tidak menghadiri kelas tambahan pada petang ini. Tiada kesalahan.
A B
C D
6. Perabot yang terdapat di rumah Datin Leha sangat mahal kerana janya diimport dari Australia. Tiada kesalahan.
A B
C D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Azmi segera menyandang begnya apabila terlihat sebuah teksi menghampirinya.
II Encik Mugilan menyandang jawatan sebagai guru kokurikulum di sekolah baharu itu.
III Dia sedang menyandang di dinding itu sambil bercakap dengan kawannya.
IV Pemain itu berjaya menyandang bola masuk ke dalam gol.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

8. I Saya mendapat berita kemalangan ngeri itu *melalui* media sosial.
 II Dia *melalui* usia remajanya dengan tinggal di pusat tahanan akibat kesalahan menagih dadah.
 III Kami *melalui* denai itu untuk pergi ke rumah atuk.
 IV Abang tidak berani untuk *melalui* larangan ayah untuk keluar pada waktu malam.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Antara faktor-faktor kempen anti dadah dilancarkan adalah untuk menyedarkan masyarakat tentang keburukan menagih dadah.
- A Antara faktor-faktor kempen antidadah
 - B Antara faktor kempen anti-dadah
 - C Antara faktor kempen antidadah
 - D Antara faktor-faktor kempen anti dadah
10. "Jangan sekali meninggikan suara bila bercakap dengan orang yang lebih tua," nasihat ibu kepada anak-anaknya.
- A Jangan sekali meninggikan suara apabila
 - B Jangan sekali-kali meninggikan suara apabila
 - C Jangan sekali-kali meninggikan suara bila
 - D Jangan sekali meninggikan suara bila

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Penggunaan dadah dalam semua jenis sukan adalah tidak dibenarkan.
 II Para guru akan membincangkan hal-hal lain berkaitan program peningkatan prestasi dalam mesyuarat itu.
 III Oleh kerana lapar, bayi itu menangis dengan kuat.
 IV Mak Joyah tidak dapat bekerja kerana perlu menemani suaminya yang terlantar pada hospital.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
12. I Saya menunggu abang selama satu suku jam di perhentian bas itu.
 II Sultan Muzafar menitahkan Laksamana Hang Tuah agar mengumpul para perajurit untuk mengawal sempadan negeri.
 III Siew Mei langsung tidak berniat untuk menghebahkan kepayahan hidupnya kepada orang lain.
 IV Hujan kuat selama dua hari berturut-turut telah menyebabkan kawasan kampung itu dinaiki air.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga

13. Peribahasa yang mempunyai maksud hampir sama dengan peribahasa di atas ialah
- A lembu punya susu, sapi dapat nama.
 - B seekor lembu membawa lumpur, habis semuanya terpalit.
 - C nasi sudah menjadi bubur.
 - D pucuk dicita ulam mendatang.